

23 AUG 2000

Mahathir-Selatan

BADAN TETAP BAGI NEGARA ANGGOTA G77 TIDAK LAMA LAGI

LONDON, 23 Ogos (Bernama) -- Sebuah badan tetap bagi negara anggota G77 dalam semua bidang termasuk perdagangan dan ekonomi dijangka ditubuhkan menjelang tahun baru.

Penubuhan badan itu dikenali sebagai Suruhanjaya Penyelarasan Selatan menjadi tajuk perbincangan oleh empat ketua negara dan kerajaan di sini hari ini hasil Persidangan kemuncak Havana April lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah antara empat pemimpin yang membincangkan draf laporan pada persidangan kemuncak mini yang berlangsung di Abuja House, kediaman Presiden Nigeria, Olusegun Obasanjo.

Pemimpin lain ialah Presiden Algeria Abdulaziz Bouteflika, Perdana Menteri Jamaica P.J. Patterson dan Presiden Nigeria Olusegun Obasanjo.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamad yang memberi taklimat kepada wartawan sebelum sidang kemuncak mini itu berkata keempat-empat pemimpin akan membincangkan laporan itu yang akan dibentangkan pada mesyuarat Kumpulan Negara Membangun (G77) semasa Sidang Kemuncak Millenium di New York bulan depan.

Beliau berkata objektif Suruhanjaya Penyelarasan Selatan ialah untuk memperkukuhkan kerjasama di kalangan negara anggota.

Suruhanjaya itu akan dibantu oleh Majlis G77 yang akan bermesyuarat setiap lima tahun.

Beliau berkata draf laporan itu dijangka mengemukakan syor bagi pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif kepada Suruhanjaya. Nama Sir Shridath Ramphal, bekas Setiausaha Agung Komanwel telah disebut.

Objektif lain penubuhan Suruhanjaya ialah mengambil alih tanggungjawab ke South Centre yang kini berpusat di Geneva. Malaysia ialah antara 46 negara anggotanya.

"Pada masa ini, bukan mudah bagi 133 negara anggota mencapai persetujuan kerana masing-masing mempunyai tanggapan dan kepentingan yang berbeza," kata beliau.

Badan baru itu akan membolehkan negara anggota menjalankan kajian, menulis laporan mengenai pelbagai isu dan masalah membabitkan mereka.

Ia juga akan memperkukuhkan perpaduan di kalangan negara anggota.

-- BERNAMA

ZO RV FAZ